



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 35  
No. 26

**26hb Disember 1991**

*TAMBAHAN*  
*No. 14*

---

---

## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills introduced into Parliament are published for general information:

Akta Duti Import (Pengesahan) 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 13hb Disember 1991*).

Import Duties (Validation) Act 1991—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 13th December 1991*).

Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 20hb Disember 1991*).

Members of Parliament (Remuneration) (Amendment) Act 1991—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 20th December 1991*).



D.R. 46/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

## RANG UNDANG-UNDANG

### *b e r n a m a*

Suatu Akta bagi mengesahkan levi dan kutipan duti import dan untuk menanggung rugi Kerajaan Malaysia dan pegawai-pegawainya yang tertentu berkenaan dengan duti import yang telah dilevi dan dikutip di seluruh Malaysia dalam tempoh dari 29hb Mac 1990 hingga 22hb Ogos 1991.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Duti Import (Pengesahan) 1991. Tajuk ringkas.
2. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan Akta Kastam 1967, duti import yang telah dilevi dan dikutip di seluruh Malaysia sepanjang tempoh dari 29hb Mac 1990 hingga 22hb Ogos 1991 dan yang dikatakan telah dilevi dan dikutip di bawah kuasa Perintah Duti Kastam 1988, sebagaimana dipinda dari semasa ke semasa, dan Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988, sebagaimana dipinda dari semasa ke semasa, hendaklah disifatkan sebagai telah dilevi dan dikutip dengan sah. Pengesahan dan menanggung rugi.  
*Akta 235.*  
*P.U. (A) 405/87.*  
*P.U. (A) 410/87.*
- (2) Tiada apa jua pun tindakan atau prosiding undang-undang hendaklah dibawa, dimulakan atau disenggarakan terhadap Kerajaan Malaysia atau mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang

yang bertindak di bawah mereka atau mana-mana daripada mereka berkenaan dengan apa-apa duti import yang telah dilevi atau dikutip di mana duti import itu dikatakan telah dilevi atau dikutip menurut kuasa Perintah Duti Kastam 1988, sebagaimana dipinda dari semasa ke semasa, dan Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988, sebagaimana dipinda dari semasa ke semasa; dan jika apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang telah dibawa, dimulakan dan disenggarakan, ia hendaklah dibatalkan dan dijadikan tidak sah dan tiada pembayaran balik berkenaan dengan duti import yang telah dilevi atau dikutip seperti disebut terdahulu hendaklah dibuat.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengesahkan levi dan kutipan duti import tertentu sepanjang tempoh dari 29hb Mac 1990 hingga 22hb Ogos 1991.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan, [PN. (U<sup>2</sup>) 1676.]